



KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera
08 FEBRUARI 2019

MYCAR AKAN MENJADI PENYEDIA UTAMA PERKHIDMATAN *E-HAILING* DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 8 FEBRUARI 2019 - *MyCar* terus berazam untuk menjadi pembekal utama perkhidmatan *e-hailing* di Malaysia berikutan sambutan ulang tahun pertama operasi mereka pada 1 Februari 2018 yang lalu.

Dengan 65,000 pemandu dan lebih 1.2 juta pengguna yang berdaftar di bawah platform *MyCar*, ia kini merupakan platform *e-hailing* yang paling pesat berkembang selepas Grab.

Pengarah Platforms Apps Sdn Bhd, Encik Mohd Noah Maideen berkata, “Walaupun *MyCar* baru sahaja menyambut ulang tahun pertama operasi, *MyCar* telah menarik perhatian orang ramai serta organisasi kerajaan dan swasta di mana *MyCar* telah diiktiraf untuk menjadi penyedia perkhidmatan *e-hailing* rasmi di majlis-majlis rasmi seperti Royal Floria Putrajaya 2018, MAHA 2018 dan LIMA 19’ yang akan berlangsung pada bulan Mac ini.”

MyCar telah membuka pejabat cawangan di beberapa lokasi seperti di Kota Kinabalu dan Langkawi yang akan diikuti dengan pejabat di Kuching dan Johor Baharu tidak lama lagi. Pembukaan pejabat-pejabat cawangan ini adalah untuk memenuhi tuntutan pengguna dan pemandu *MyCar* di seluruh Malaysia.

“Dengan pembukaan pejabat-pejabat cawangan ini, operasi *MyCar* dapat dimantapkan lagi dan perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada pengguna dan juga pemandu *MyCar*. Ia juga selari dengan perkembangan *MyCar* yang bakal menjadi pemain utama dalam perkhidmatan *e-hailing* di Malaysia,” tambah Mohd Noah.

MyCar juga mementingkan keselamatan pengguna, sehubungan dengan itu *MyCar* mempunyai jabatan pengurusan pemandu yang akan menguruskan sebarang permasalahan dan disiplin pemandu dan juga penumpang untuk mencegah sebarang urusan jenayah dan salah laku. Pengguna atau pemandu boleh hubungi pusat panggilan 24 jam *MyCar* di talian 03-7661 6208 untuk membuat sebarang pertanyaan atau aduan.

MyCar juga menawarkan harga tetap ketika tempahan. Oleh itu, *MyCar* akan membuat *Jaminan Pemulangan Tambang* jika terdapat sebarang perubahan harga ketika pembayaran. Semua pembayaran boleh di buat melalui kad kredit atau secara tunai.

MyCar adalah hak milik 100% anak tempatan dan bakal mengembangkan sayap perniagaan di luar negara tidak lama lagi.



Platform Apps Sdn Bhd (1254600-X)

No 31-G Taipan 2 Jalan Setia Utama AT U3/AT Bandar Setia Alam
40170 Shah Alam Selangor Darul Ehsan Malaysia

Layari portal *MyCar* di www.mycar.asia atau hubungi Mohammad Shazie Zaini
Bahagian Komunikasi Korporat 03-33581808 / 012-7898926